

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO' SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS SEMBAH KENAL
DI SERI PERDANA, PUTRAJAYA
PADA HARI SELASA, 9 NOVEMBER 1999
JAM 10.00 PAGI**

Alhamdulillah, syukur ke-hadrat Ilahi atas limpah kurnia-Nya sahaja dapat kita berhimpun di Dewan Banquet, Seri Perdana Putrajaya pagi ini untuk Majlis Sembah Kenal dan Bermesra bersama Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah. Syukur Alhamdulillah.

2. Bagi tuan rumah, patik mengalu-alukan keberangkatan Tuanku ke Seri Perdana Putrajaya, kediaman rasmi Perdana Menteri yang baru. Bagi pihak BAKTI pula, patik menjunjung kasih atas kesudian Tuanku menerima jemputan BAKTI. Ramai ahli-ahli BAKTI belum berpeluang mengadap dan bermesra dengan Tuanku dan hari ini adalah hari yang bahagia bagi BAKTI berbuat demikian secara rapat.

3. Ahli-ahli BAKTI dan patik sendiri mengucapkan tahniah atas perlantikan Tuanku berdua sebagai Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang ke-11 pada bulan April dan selamat dimasyhurkan pada 22 haribulan September lalu, dengan penuh gilang-gemilang. BAKTI berdoa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala mengurniakan taufik hidayah-Nya kepada Tuanku berdua supaya Tuanku bersemeyam di atas takhta penuh dengan iman, kebahagiaan dan sejahtera dan memberi rangsangan kepada rakyat jelata untuk hidup aman damai, bersatu padu dan makmur.

4. BAKTI telah wujud pada tahun 1977 sebagai Badan Amal dan Tenaga Isteri Jemaah Menteri, Timbalan-Timbalannya dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen ketika ini berjumlah 67 ahli-ahli baru dan 36 ahli bersekutu.
5. Matlamat utama BAKTI ialah untuk menggembelngkan tenaga isteri-isteri untuk mengutip wang yang disalurkan kepada golongan-golongan yang memerlukan bantuan, umpamanya yang daif, kurang berupaya, institusi perubatan dan pendidikan, mangsa-mangsa malapetaka dan dermasiswa untuk pelajar-pelajar miskin.
6. BAKTI diuruskan oleh Jawatankuasa Tadbir dan tiga Jawatankuasa Kecil yang menguruskan biro-biro kebajikan, dermasiswa dan bencana alam untuk menyalurkan bantuan kepada masyarakat, dan 4 lagi Jawatankuasa Kecil yang menguruskan kegiatan bagi ahli-ahli sendiri iaitu pendidikan, sukan, kebudayaan, penerangan dan siaran.
7. Pagi ini akan Tuanku lihat satu hasil aktiviti BAKTI, iaitu kebudayaan, di mana ahli-ahli BAKTI akan bermain gemilang, menyanyi dan menari. Terlebih dahulu patik merafak ampun maaf kerana latihan bagi mengadakan persembahan ini amat singkat dan tentu sekali akan ada banyak kesilapan. Ahli-ahli BAKTI yang menyertai persembahan ini cukup gembira untuk mengambil bahagian dan inilah suatu sikap yang dipupuk dan digalakkan.
- 8 Patik harap Tuanku akan relax dan menikmati persembahan BAKTI ini.
9. Sekali lagi bagi pihak BAKTI, patik rakamkan junjung kasih atas kehadiran Tuanku dan mendoakan semoga kemesraan yang akan terjalin dalam Majlis Sembah Kenal ini akan berkekalan, Insya-Allah.